

PM berjaya kemudi negara 'merentasi gelombang'

UM 22 JUN 2003

KUALA LUMPUR 21 Jun — Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengutai barisan pemimpin UMNO memberi penghormatan tertinggi kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang disifatkan sebagai nakhoda yang telah berjaya mengemudi negara 'merentasi gelombang dan ombak pelayaran' selama hampir 22 tahun.

Abdullah yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, sejak menerajui pucuk pimpinan negara pada 1981, Presiden UMNO itu telah meletakkan parti pada landasan yang kukuh, menjadikan negara dihormati dan warganya disegani.

Beliau berkata, sepanjang tempoh tersebut, rakyat dan negara telah melalui satu proses transformasi yang sungguh ketara sama ada dari segi pembangunan fizikal, sosial, politik mahuun ekonomi.

Menurutnya, walaupun dalam tempoh itu, negara dan UMNO menghadapi beberapa gegaran dan kejutan tetapi Dr. Mahathir ternyata seorang nakhoda yang arif dan bijaksana.

"Kebijaksanaan tersebut telah meletakkan parti berada dalam keadaan kukuh, warganya disegani dan negara dihormati.

"Islam telah diberikan dimensi progresif dan dinamik membawa ajaran sebenar yang mengutamakan asas fundamental melalui pendekatan realistik," katanya dengan disambut tepukan sambil berdiri oleh para perwakilan. Beliau mengulung perbincangan Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini. Perhimpunan tersebut adalah yang terakhir bagi Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO sebelum beliau berundur Oktober ini.

Semalam, seluruh perwakilan termasuk para pemimpin yang membahaskan ucapan Presiden, melahirkan penghormatan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Mahathir atas sumbangannya.

Abdullah berkata, sepanjang tem-

yoh keujminannya. Dr. Mahathir juga tidak pernah mengenal kecewa, tidak berputus asa, tidak tunduk kepada ugutan dan tidak mengalah kepada tekanan.

"Beliau lambang pemimpin gigih, berani, tegas dan tekun. Beliaulah potret dan wajah negarawan terbilang, celik hati, celik minda.

"Sesungguhnya negara dan bangsa amat bersyukur dianugerahkan seorang pemimpin bertaraf negarawan terbilang. Wira bangsa, wira negara. Itulah Mahathir Mohamad," katanya.

Timbalan Presiden UMNO itu berkata, parti juga merakamkan ucapan penghargaan kepada Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan keluarga Dr. Mahathir.

Katanya, mereka telah banyak berkorban dengan meminjamkan Dr. Mahathir kepada parti dan negara.

"Kami hi daian parti turut terhutang budi kepada Datin Seri Dr. Siti Hasmah yang telah banyak berkorban, meminjamkan seorang suami tersayang, demikian juga kepada anggota keluarga beliau yang bersedia meminjamkan ayah tersayang.

"Kami amat menyedari bahawa banyak masa, tenaga dan fikirannya telah diberikannya kepada kami.

"Dr. Siti Hasmah adalah azimat utama yang menjadi sumber kekuatan kepada beliau sejak dari pertemuan mereka di Kolej Perubatan, Universiti Malaya di Singapura," katanya.

Abdullah berkata, secara peribadi, beliau turut terhutang budi kepada Dr. Mahathir yang telah memberi peluang dan kepercayaan kepadanya menyertai kabinet pada tahun 1981.

"Hari ini dari kalangan Menteri UMNO, hanya (Datuk Seri) Rafidah dan saya yang masih menjadi ahli Jemaah Menteri yang dibentuk pada tahun 1981, walaupun saya mendapat cuti 'sabbatical' selama 3 tahun 10 bulan," jelas beliau merujuk kepada kedudukannya di luar kabinet ketika itu berikutan tercetusnya kumpulan A dan B dalam UMNO.

Katanya, pemilihan tema Mengurus Kejayaan semasa ucapan perasmian Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Selasa lalu juga adalah lambang penghargaan dan penghormatan kepada kejayaan Dr. Mahathir.

Beliau berkata, Perdana Menteri telah mewariskan UMNO dan Barisan Nasional (BN) yang berjaya, bangsa Melayu, warga dan negara Malaysia yang berjaya.

Abdullah memberitahu, Dr. Mahathir adalah seorang pemimpin yang berhemah tinggi kerana walaupun akan bersara tidak lama lagi tetapi Presiden UMNO itu telah berjanji untuk membantunya memimpin parti.

"Beliau telah kata kepada saya bahawa beliau tetap bersedia bila-bila masa membantu menjayakan perjuangan UMNO, memberi pandangan dan idea mengenai hal-hal parti bila-bila masa diperlukan.

"Datuk Seri kata dalam bahasa Inggeris *Lah you just tell me, I will be there to help you.. Thank you Sir,*" katanya.

Menurut Abdullah, Dr. Mahathir telah menganugerahkan kepadanya dengan pelbagai kepercayaan dan penghormatan.

"Saya paling terharu dan paling menghargai anugerah Presiden berikan kepada saya pada pagi 19 Jun 2003, (iaitu) hari perasmian setelah menyampaikan Ucapan Dasar beliau, iaitu senaskah ucapan dasar yang difotograf dengan doa.

"Dalam Bahasa Inggeris Datuk Seri tulis May Allah *bless you when you take over.* Dr. Mahathir mendoa agar Allah s.w.t merahmati saya apabila saya mengambil alih nanti. Terima kasih, Datuk Seri saya paling menghargai doa itu," katanya.